

Perkhidmatan feri menggecewakan

Kelemahan pentadbiran SPP didakwa jadi punca, beri imej buruk kepada Pulau Pinang

SYAJARATULHUDA ROSLI

GEORGETOWN- Kerajaan Pulau Pinang mendakwa pentadbiran Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) terlalu lemah menyebabkan mutu perkhidmatan feri di negeri ini berada di tahap tidak memberangsangkan.

Ketua Menteri, Lim Guan Eng berkata, ia secara tidak langsung memberi imej buruk kepada Pulau Pinang berikutan perkhidmatan awam itu merupakan ikonik bagi negeri ini.

"Perkhidmatan feri merupakan tanggungjawab kerajaan pusat kerana ia berada di bawah mereka. Ramai yang silap dengan mengatakan perkhidmatan feri bawah kerajaan negeri.

"Jika kita lihat, mutu perkhidmatannya begitu buruk, amat memalukan tetapi kerajaan negeri tak mampu berbuat apa-apa. Kita hanya boleh buat aduan saha-



Guan Eng bersama Chong Eng (dua, kiri) dan Jeff Ooi (kiri) meninjau kawasan tempat meletak kenderaan di Pangaspuri Desa Pinang 2, semalam.

ja," katanya kepada media semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas berhubung kenyataan Pengerusi MCA Pulau Pinang, Datuk Tan Teik Cheng yang mendakwa, pentadbiran kerajaan negeri berada di tahap yang lemah kerana lambat bertindak dalam membaik pulih jalan dan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di negeri ini.

"Kerajaan pusat didapati tidak cekap dan sebab itu jalan persekutuan di negeri ini tidak dibaik pulih dengan segera sedangkan banyak aduan

Selain kualiti perkhidmatan feri, Guan Eng turut mendakwa, birokrasi kerajaan pusat yang tidak cekap juga menyebabkan jalan persekutuan di Pulau Pinang lambat dibaik pulih walaupun mendapat banyak aduan.

"Kerajaan pusat didapati tidak cekap dan sebab itu jalan persekutuan di negeri ini tidak dibaik pulih dengan segera sedangkan banyak aduan

an daripada pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri tentang masalah ini.

"Sekiranya kerosakan jalan melibatkan jalan negeri, kita akan cepat mengambil tindakan tetapi aduan yang diterima, bukan terhadap jalan negeri tetapi jalan persekutuan. Kerajaan negeri hanya boleh sampaikan aduan kepada mereka sahaja, nak guna wang kerajaan negeri

- Bukan bidang kuasa kerajaan negeri

INFO untuk baiki, itu tidak boleh," katanya.

Dengan memberi contoh di Solok Relau 1, Guan Eng berkata, projek genting yang dijalankan Jabatan Perkhidmatan Pembentungan menyebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan terabit.

Sehubungan itu, beliau meminta penduduk di sekitar kawasan itu agar bersabar selain meminta kerajaan pusat menyelesaikan segera projek tersebut yang dijadualkan siap Disember ini.

Terdahulu, Guan Eng meninjau kawasan tempat meletak kenderaan di Pangaspuri Desa Pinang 2 yang turut di hadiri Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng; Ahli Parlimen

Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun dan Adun Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Dalam lawatannya itu, Guan Eng berkata, kerajaan negeri berhasrat membina kompleks sukan bertaraf antarabangsa di pinggir bandar ini.

Menurutnya, kompleks yang bakal mengandungi 12 gelanggang badminton itu menyerupai Kompleks Sukan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di Relau.

"Ramai yang kata tiada kompleks sukan berdekatan bandar, jadi kita nak buat macam di Relau. Selain itu, saya juga cadangkan pembinaan 200 petak parkir awam empat tingkat di atas tanah lapang sama berkeluasan 0.69 hektar milik kerajaan negeri, berhampiran laut dan hilir Sungai Pinang.

"Kosnya dijangka melibatkan kira-kira RM35 juta tetapi apa-apa pun ia perlu dirangka MBPP dan pihak berkenaan," katanya.